(b) Talak merupakan perkara yang dibenci oleh Allah SWT walaupun ianya dibenarkan syarak.

(i) Nyatakan maksud talak. [2 *markah*]

(ii) Bilakah hukum talak menjadi wajib? [2 *markah*]

(iii) Senaraikan jenis-jenis talak. [2 *markah*]

Scanned with CamScanner

# Ramai pasangan bercerai kurang lima tahun perkahwinan

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

**PUTRAJAYA** – Kebanyakan perkahwinan pertama di negara ini berakhir dengan penceraian dalam tempoh lima tahun ke bawah seperti dilaporkan dalam Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Siri Kelima (KPKM-5).

Kajian yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bermula September 2014 hingga Januari 2015 melibatkan 23,112 tempat kediaman seluruh negara.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, usia perkahwinan dalam tempoh lima tahun merupakan satu fasa kritikal yang perlu diberi perhatian oleh setiap pasangan.

"Antara punca utama berlakunya penceraian adalah tiada persefahaman dan curang dengan pasangan masing-masing.

"Dari aspek kewangan keluarga, hampir 40 peratus wanita menghadapi masalah dalam perbelanjaan pendidikan manakala 36.3 peratus bagi masalah perbelanjaan keperluan keluarga dan 16 peratus masalah dalam perbelanjaan perubatan keluarga," katanya.

Teks ucapan beliau telah dibacakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Paduka Chew Mei Fun pada Majlis Pelancaran Buku dan Pembentangan Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Siri Kelima (KPKM-5) di sini semalam.

Kajian itu dilaksanakan setiap 10 tahun dengan penemuan utama dijalankan pada 1974.



MEI FUN (dua dari kanan) melancarkan buku Laporan Penemuan Utama KPKM-5 2014 oleh LPPKN di Putrajaya semalam.

*Dipetik dan diubah suai daripada Kosmo, 24 Februari 2016*

(iv) Berdasarkan keratan akhbar di atas, mengapakah perkara tersebut berlaku? Huraikan. [4 *markah*]

Scanned with CamScanner

(b) Talak merupakan perkara halal yang dibenci oleh Allah Taala.

(i) Nyatakan maksud talak. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** jenis lafaz talak beserta contohnya. [4 markah]

(iii)




Pada pendapat anda, bagaimanakah untuk menangani isu di atas? [4 markah]

Scanned with CamScanner

(b) (i) Apakah maksud talak? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan contoh lafaz talak dari aspek berikut: [4 *markah*]

a) Secara jelas.

b) Secara kiasan.

**30 pasangan Malaysia kahwin di Thailand setiap hari**

**Pilih kahwin di Siam kerana berpoligami, hubungan tak direstui keluarga, terlanjur**

Sumber: KOSMO, 19 September 2013

(iii) Berdasarkan keratan akhbar di atas, bincangkan implikasi perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang keluarga Islam di Malaysia. [4 *markah*]

Scanned with CamScanner

(b) (i) Nyatakan maksud idah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan tempoh idah bagi situasi berikut :

a. Isteri yang bercerai hidup dan belum putus haid.

b. Isteri yang bercerai mati dan belum pernah disetubuhi. [2 *markah*]

(c) Nyatakan dua jenis talak. [2 *markah*]

(d)

| |
|---|
| Encik Hasan telah mempunyai seorang isteri tetapi beliau berhasrat untuk berkahwin lagi. |

Kemukakan pandangan anda terhadap situasi Encik Hasan. [4 *markah*]

Scanned with CamScanner

(*b*) (i) Nyatakan maksud idah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** hukum talak selain harus. [4 *markah*]

(iii) Terangkan implikasi perkahwinan yang tidak mengikut syariat dan undang-undang Islam. [2 *markah*]

Scanned with CamScanner

(c)


Kahwin bawah umur meningkat

*Sumber:*
*Keratan Akhbar Kosmo, 20 Mei 2016*

Berdasarkan petikan akhbar di atas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perkara tersebut terus meningkat dalam masyarakat.

Huraikan pandangan anda. [4 *markah*]

Scanned with CamScanner

(b) Salah satu cara pembubaran perkahwinan ialah melalui talak.

(i) Nyatakan maksud talak. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** hukum talak dan situasinya. [4 *markah*]



*1223/1 @2022 Hak Cipta Terpelihara SPI, JPN Sabah*

Scanned with CamScanner

(iii)




Berdasarkan data di atas, cadangkan langkah bagi menangani isu tersebut.

[4 *markah*]

Scanned with CamScanner